

→ ISU

Kerajaan ada alternatif pastikan penjawat awam miliki kediaman

→ Jalin kerjasama bangun projek rumah mampu milik demi kesejahteraan rakyat

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kerajaan mempunyai mekanisme alternatif untuk memastikan penjawat awam berpendapatan RM3,000 ke bawah berupaya memiliki kediaman di ibu kota.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata pelbagai pendekatan diambil untuk mengurangkan kos pemilikan tanah, kemudahan dan penentuan lokasi yang menjadi faktor harga rumah melonjak.

Katanya, kerjasama turut dijalin dengan pihak berkaitan, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk membangunkan projek perumahan mampu milik untuk kesejahteraan penjawat awam dan golongan berpendapatan rendah.



Oleh itu, penyediaan peruntukan, penjarangan kos tanah, lokasi dan kemudahan, selain menjalin kerjasama dengan pihak berkaitan adalah penyelesaian alternatif yang diteliti kerajaan.

Abdul Rahman Dahlan,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

"Usaha sedia ada ketika ini adalah membangunkan lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan strategik, selain inisiatif 'sewa untuk beli'.

"Kita sedar ada golongan berpendapatan rendah, iaitu di bawah RM3,000 yang tidak berupaya memiliki rumah ditawarkan kerajaan, meskipun ia dibangunkan menerusi program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan kediaman mampu milik lain.

Jalin kerjasama

"Oleh itu, penyediaan peruntukan, penjarangan kos tanah, lokasi dan kemudahan, selain menjalin kerjasama dengan pihak berkaitan adalah penyelesaian alternatif yang diteliti kerajaan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas pendedahan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mendakwa 50 peratus daripada 600,000 hingga 650,000 penjawat awam bergaji bawah RM3,000 sebulan belum memiliki kediaman sendiri.

Walaupun golongan dikategorikan sebagai Kumpulan Pelaksana Kedua itu boleh membuat pinjaman perumahan kerajaan sehingga RM200,000, mereka tidak mampu membayar balik pinjaman berkenaan.

Justeru CUEPACS mengesyorkan

mereka dibenarkan memiliki kediaman pada harga bawah RM150,000 dengan penyediaan peruntukkan khas dalam Bajet 2018.

Kos jangkau tiga kali ganda

Sementara itu, Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Datuk Mokhtar Samad, berkata kos tanah, kemudahan dan lokasi untuk projek perumahan boleh menjangkau dua hingga tiga kali ganda daripada peruntukan pembinaan.

"Kontraktor hanya perlukan kos sekitar RM100,000 untuk setiap unit

rumah berkeluasan 800 kaki persegi (74.3 meter persegi), manakala kondominium adalah RM120,000 seunit.

"Kos ini masih pada kadar terkawal meskipun wujud peningkatan harga bahan mentah untuk membangunkan projek kediaman ketika ini.

"Sehubungan itu, harga rumah naik bukan disebabkan sikap kontraktor yang sengaja mengaut untung berlebihan, sebaliknya ia berpunca daripada kos penyediaan kemudahan, penentuan lokasi dan tanah," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.

Kementerian Pertahanan sasar 1 tentera 1 rumah



Antara rumah keluarga angkatan tentera di Desa Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur.

Kulai: Kementerian Pertahanan menetapkan sasaran 1 Anggota 1 Rumah dalam usaha memastikan semua anggotanya memiliki rumah sendiri.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata program menerusi Rumah Mampu Milik (RMM) itu akan diumumkan bulan depan.

Beliau mengakui ramai anggota dan veteran tentera belum memiliki rumah.

"Memang perumahan menjadi agenda utama Mindef (Kementerian Pertahanan). Kita ada lima teras dengan satu teras berhubung kait dengan kebajikan anggota dan veteran.

"Aset canggih tidak bermakna jika anggota dan keluarga serta veteran hidup dalam keadaan tidak selesa.

"Agenda perumahan adalah sesuai

tu yang perlu ditangani segera," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kulai di sini, semalam.

Tawar dua skim

Beliau mengulas laporan muka satu BH semalam mengenai 300,000 penjawat awam tidak memiliki rumah sendiri seperti didedahkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Katanya, bagi inisiatif perumahan tentera, ada dua skim ditawarkan iaitu pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera dan juga RMM, turut membabitkan kerjasama kerajaan negeri serta syarikat swasta.

Katanya, ketika ini dua projek RMM berjaya dilaksanakan iaitu di Johor dan Kuala Lumpur, manakala di Segari, Perak dalam peringkat pembinaan.